

PENGLIBATAN IBU BAPA DAN PENGARUHNYA KE ATAS KESEDIAAN MEMBACA KANAK-KANAK PRA SEKOLAH

MARZIATION BINTI DAUD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012

PENGLIBATAN IBU BAPA DAN PENGARUHNYA KE ATAS KESEDIAAN MEMBACA KANAK-KANAK PRA SEKOLAH

MARZIATON BINTI DAUD

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**


**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012

PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Mac 2012



MARZIATON BINTI DAUD
M20091000699



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

Mac 2012


MARZIATON BINTI DAUD
M20091000699



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya disertasi ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan, Alhamdulillah. Semasa menjalankan kajian, saya mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi perhargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Dr. Othman bin Lebar, yang sentiasa memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dengan penuh tekun dan sabar. Saya doakan beliau dikurniakan kesihatan yang baik dan dapat terus memberikan khidmatnya kepada anak bangsa dan negara. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Prof. Dr. Kamarulzaman bin Kamaruddin dan Dr. Mahani binti Razali yang turut membantu saya dalam menyiapkan disertasi ini. Moga keikhlasan mereka diberi ganjaran oleh Allah, Insya-Allah.

Penghargaan saya juga dituju kepada Guru Besar dan Guru Pra Sekolah SK Pusat Bandar Puchong (2) yang memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian saya di sana dan memberikan sepenuh kerjasama kepada saya. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada ibu bapa yang terlibat di dalam kajian ini.



Akhir sekali, penghargaan ini saya tujukan kepada suami saya, Shamsul Anuar bin Mohamed Daud yang sentiasa berada di samping saya di kala susah dan senang dan sentiasa memberi dorongan dan galakan di kala saya hampir berputus asa, anak saya, Nabila Afrina, semoga kejayaan saya menjadi pembakar semangat untuk dia terus berjaya, serta ibu dan seluruh ahli keluarga yang selalu mendoakan kejayaan saya. Sesungguhnya, kejayaan saya ini adalah kejayaan mereka juga.





ABSTRAK

Kajian mengenai penglibatan ibu bapa telah banyak dijalankan, terutamanya di luar negara. Walau bagaimanapun, kajian mengenai penglibatan ibu bapa dari aspek psikologi jarang didapati di Malaysia. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka merupakan aspek penting yang sering diabaikan. Ibu bapa memainkan peranan signifikan dalam proses perkembangan anak-anak mereka. Kajian ini mengupas penglibatan ibu bapa dari tiga aspek psikologi iaitu sokongan emosi, perapatan dan jangkaan dan hubungannya dengan kesediaan membaca kanak-kanak pra sekolah. Kajian ini adalah satu kajian kes berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Seramai 20 orang pelajar pra sekolah yang berusia lima tahun diberi ujian Konsep Cetakan untuk menguji kesediaan membaca mereka. Selepas markah diperolehi, 5 pelajar yang mendapat markah tertinggi, sederhana dan terendah dipilih untuk sesi pemerhatian dan seterusnya ibu dan bapa mereka ditemubual untuk mendapatkan maklumat mengenai penglibatan mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa memang mempunyai pengaruh signifikan ke atas kesediaan membaca kanak-kanak tersebut. Pelajar yang mendapat markah tertinggi dan sederhana mempunyai ibu bapa yang melibatkan diri dalam pendidikan anak mereka dengan memberikan sokongan emosi kepada anak mereka, mempunyai hubungan yang erat dengan anak serta mempunyai harapan dan jangkaan yang tinggi terhadap anak mereka. Sebaliknya, pelajar yang mendapat markah terendah didapati ibu bapa mereka tidak melibatkan diri dalam perkembangan dan pendidikan anak mereka dengan kurang memberikan sokongan emosi, tidak mempunyai hubungan yang erat dengan anak dan tidak yakin dengan potensi anak mereka. Dapatan kajian ini membawa implikasi yang besar kepada semua pihak agar tidak memandang rendah akan faktor penglibatan ibu bapa. Semua pihak, iaitu, ibu bapa, sekolah dan kerajaan perlu mengambil langkah proaktif supaya proses pendidikan kanak-kanak dapat berjalan dengan lancar. Ibu bapa perlu diberi pendedahan tentang kepentingan penglibatan mereka dan pada masa yang sama pihak sekolah perlu lebih melibatkan ibu bapa dalam program-program yang dijalankan di sekolah.





ABSTRACT

Studies on parental involvement are abound, especially in overseas. However, studies on parental involvement from the psychological aspects are rarely heard in Malaysia. Parental involvements in children's education are being taken for granted. Parents play a very significant role in their children's development. This study explores parental involvement from three psychological aspects: emotional support, attachment and expectation, and their relationship in pre school children's reading readiness. This study is a qualitative case study that used three types of instruments; test, observation and interview. 20 five-year-old pre school children were given a test on "Concepts About Print" to test their level of reading readiness. After marks were obtained, five children with the highest, average and lowest scores were chosen to be observed. Their parents were then interviewed to get information on their involvements. The results show that parental involvement has a significant influence on children's reading readiness. Children who scored high and average marks in the test have parents who are always involve in their education by giving them full emotional support, are attached with their children and have high expectations towards their children. On the contrary, children who scored low marks, it is obviously shown that their parents do not involve in their education by not giving them emotional support, do not have attachment with their children and have very low confidence on their children's potential. The findings of this study give big implications on the importance of parental involvement. Parents, schools and the government must take proactive steps so that the process of educating children of the future can run smoothly. Parents need to be exposed to the importance of their involvement and simultaneously, schools must play their roles in involving parents in whatever school programs.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Persoalan Kajian	17
1.7 Penjelasan Konsep	18
1.7.1 Penglibatan Ibu Bapa	18
1.7.2 Kesediaan Membaca	19
1.7.3 Kanak-kanak Pra Sekolah	19
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Batasan Kajian	22
1.10 Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Teori-teori Berkaitan	25
2.2.1	Teori Persekutaran Brofenbrenner	25
2.2.2	Teori Sosio-Budaya Vygotsky	29
2.2.3	Teori Pembelajaran Sosial Bandura	31
2.2.4	Teori Jangkaan Vroom	31
2.2.5	Teori Perapatan Bowlby	32
2.2.6	Teori Kesediaan Membaca Clay	34
2.3	Sokongan Emosi	34
2.4	Perapatan	35
2.5	Jangkaan	36
2.6	Kajian-kajian berkaitan	37
2.6.1	Ibu Bapa dan Literasi Awal	37
2.6.2	Ibu Bapa dan Kanak-kanak	41
2.6.3	Ibu bapa sebagai rakan kongsi dalam pendidikan	44
2.7	Rumusan	45

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	46
3.2	Rekabentuk Kajian	47
3.3	Persampelan	49
3.4	Instrumen Kajian	51
3.5	Pentadbiran dan Pengumpulan Data	52
3.6	Prosedur Analisis Data	58
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	61
3.8	Etika Kajian	63
3.9	Rumusan	64

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	66
4.2	Konteks Kajian – Sebuah Tadika	67
4.3	Latar belakang Pelajar	68
4.4	Profil Pelajar	69
4.4.1	Pelajar A	69
4.4.2	Pelajar B	70
4.4.3	Pelajar C	71
4.4.4	Pelajar D	72
4.4.5	Pelajar E	73
4.5	Latar belakang Ibu Bapa	74
4.6	Tahap Kesediaan Membaca Kanak-kanak	75
4.7	Sokongan Emosi	78
4.7.1	Prihatin	79
4.7.2	Komunikasi Berkesan	84
4.7.3	Memberi galakan atau motivasi	87
4.8	Perapatan	93
4.8.1	Memahami	94
4.8.2	Berkongsi Minat	96
4.8.3	Penyayang	98
4.8.4	Aktiviti Bersama Anak	102
4.9	Jangkaan	107
4.9.1	Harapan	107
4.9.2	Yakin Dengan Kebolehan Anak	111
4.10	Rumusan	114

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	116
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	116
5.2.1	Sokongan emosi	117
5.2.2	Perapatan	118
5.2.3	Jangkaan	120
5.3	Kesimpulan	122
5.4	Implikasi Kajian	124
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	126

RUJUKAN	128
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A	Ujian Konsep Cetakan	134
Lampiran B	Borang Pemerhatian	136
Lampiran C	Soalan Temubual Ibu Bapa	138
Lampiran D	Soalan Temubual Guru	140
Lampiran E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	141

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Pentadbiran dan Pengumpulan Data	53
3.2 Ringkasan Sumber Data	54
3.3 Pentadbiran dan pengumpulan data	57
4.1 Latar Belakang Pelajar	68
4.2 Latar Belakang Ibu Bapa	75
4.3 Tahap Kesediaan Membaca Kanak-kanak	76



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1	Zon Perkembangan Proksimal Vygotsky	29



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xiii upsi

SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SWT	Subhanahu wa Taala



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sesebuah negara memerlukan sumber manusia yang berkualiti demi menuju ke arah negara membangun dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Pendidikan awal kanak-kanak adalah tunjang kepada usaha membentuk modal insan berkualiti dan tumpuan kepada pendidikan awal mereka merupakan strategi yang boleh memberi impak besar bagi jangka pendek dan jangka panjang. Hal ini adalah kerana kanak-kanak merupakan aset berharga yang perlu dipupuk agar menjadi generasi yang unggul dalam setiap aspek kehidupan dan seterusnya dapat mendukung wawasan negara. Untuk itu, setiap kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mendapat pendidikan di peringkat pra sekolah kerana kegagalan menyediakan peluang untuk mereka memperkembangkan potensi diri pasti akan merugikan dan menjaskan masa depan negara.





Pra sekolah merupakan tempat yang paling sesuai untuk membantu perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak daripada setiap aspek. Hal ini disebabkan pra sekolah adalah institusi pendidikan formal terawal yang ditempuhi oleh seseorang kanak-kanak dalam kehidupannya. Blooms (1964) menyatakan pada usia 4 tahun, perkembangan intelek seorang kanak-kanak telah mencapai 50 peratus daripada perkembangan intelek seorang dewasa. Pada masa ini ibu bapa mempunyai peluang terbaik untuk membantu anak-anaknya berkembang secara maksima dalam semua aspek yang mencakupi aspek intelek, sosial, rohani dan fizikal. Masa ini adalah masa yang paling tepat untuk memulakan pembangunan sumber manusia yang berkualiti dan pembinaannya dimulakan daripada pembangunan otak sejak awal, bahkan sejak di dalam rahim ibu. Pendidikan pra sekolah dilihat berupaya menyediakan prasarana yang berkesan bagi membolehkan kanak-kanak berkembang secara holistik. Minat dan kebolehan pelajar dapat dikenalpasti sedari awal sekiranya ibu bapa menyedari kepentingan mereka melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka sejak di peringkat pra sekolah lagi. Penglibatan ibu bapa pada peringkat ini adalah sangat penting kerana ia merupakan titik permulaan untuk menentukan kejayaan kanak-kanak di masa hadapan. Menurut Rohaty (2003) masa pra sekolah adalah tahun-tahun kritis dan asas kepada peringkat pendidikan selanjutnya serta menentukan kejayaan hidup seseorang individu.

Penglibatan ibu bapa ditafsir sebagai keterlibatan mereka di dalam setiap aspek kehidupan anak-anak mereka untuk mewujudkan persekitaran rumah yang positif dan persekitaran pembelajaran di sekolah (Epstein, 1995). Ia merujuk kepada setiap peringkat penyertaan ibu bapa atau penjaga utama di dalam pendidikan kanak-kanak tersebut.





Penyertaan boleh meliputi membuat kerja-kerja sukarela sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, menghadiri mesyuarat dengan guru-guru, menolong anak-anak dengan kerja sekolah di rumah, berkomunikasi dengan guru dan kakitangan sekolah atau membantu dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan perubahan-perubahan di sekolah.

Penglibatan ibu bapa dalam erti kata lain adalah meliputi semua aktiviti yang membenarkan ibu bapa untuk menyertai dan menjadi rakan kongsi di dalam proses pendidikan anak-anak mereka di rumah dan juga sekolah. Hal ini termasuklah saling bertukar maklumat, perkongsian dalam membuat keputusan, menyokong aktiviti sekolah, mengajar di rumah, memberi sokongan dan galakan dan lain-lain usahasama yang meningkatkan proses pembelajaran kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa juga bererti melibatkan sumbangan mereka terhadap aktiviti-aktiviti kanak-kanak di rumah seperti membantu anak-anak dengan kerja sekolah, menggalakkan anak-anak membaca dan mengalakkan anak-anak untuk hadir ke sekolah. Selain itu, ia juga merujuk kepada penglibatan mereka dengan aktiviti-aktiviti berasaskan sekolah seperti menghadiri mesyuarat PIBG, perjumpaan atau perbincangan dengan guru-guru di sekolah dan melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah seperti Hari Sukan atau Hari gotong royong. Hal ini memberi kesan yang besar ke atas sikap kanak-kanak, kehadiran mereka di sekolah, dan pencapaian akademik mereka. Ia juga menggalakkan kerjasama yang lebih erat di antara ibu bapa dan pihak sekolah disamping membolehkan ibu bapa dan guru bergabung tenaga untuk membantu kanak-kanak berjaya di sekolah.





Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami penglibatan ibu bapa dan pengaruhnya ke atas kesediaan membaca kanak-kanak pra sekolah yang jelasnya memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan kanak-kanak di dalam membaca. Kejayaan awal kanak-kanak dalam membaca memberi keyakinan kepada mereka untuk lebih berjaya dan berkemahiran pada masa akan datang. Penglibatan ibu bapa ditakrifkan sebagai “*the degree to which a parent is committed to his or her role as a parent and to the fostering of optimal child development*”(Arnold dan rakan, 2008). Ia merujuk kepada sebanyak mana usaha yang diletakkan ke atas perkembangan anak-anak dan secara tidak langsung ditunjukkan melalui aktiviti-aktiviti serta amalan-amalan ibu bapa di rumah. Ia juga ditunjukkan melalui masa yang diluangkan dengan anak-anak, berbincang mengenai perkara-perkara sehari-hari dengan anak-anak, bermain dengan mereka dan menjadi ‘role model’ anak-anak. Ibu bapa juga membantu anak-anak memperoleh kemahiran kesediaan membaca melalui membaca buku cerita dan menyediakan bahan-bahan bacaan yang sesuai. Aktiviti-aktiviti ini merupakan sokongan emosi yang secara tidak langsung diberikan kepada anak-anak, membentuk satu hubungan yang rapat dan erat dan ia juga merupakan jangkaan ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Kesediaan membaca boleh menyediakan maklumat awal kepada pendidik dan ibu bapa tentang kekuatan dan kelemahan membaca dalam bidang yang berbeza. Kesediaan membaca juga boleh menjadi satu cara untuk menilai sama ada seseorang kanak-kanak telah mempunyai semua kemahiran yang diperlukan untuk membaca dengan lancar. Selain daripada itu, kesediaan membaca mempunyai beberapa peranan, seperti





menyediakan mekanisma untuk mengenalpasti kanak-kanak yang memerlukan (a) lebih penilaian mendalam dan terperinci dan (b) intervensi yang dikenalpasti untuk memperbaiki prestasi literasi awal. Adalah diharapkan, dapatan kajian akan dapat memberi cadangan yang boleh menjadikan penglibatan ibu bapa lebih berkesan terhadap kesediaan membaca kanak-kanak khasnya dan terhadap setiap aspek perkembangan kanak-kanak umumnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia kini sedang menuju ke arah mencapai Wawasan 2020. Selaras dengan itu, salah satu agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia. Oleh itu, Kementerian Pelajaran mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi selain daripada melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran. Pendidikan awal kanak-kanak dilihat memainkan peranan penting ke arah itu. Atas dasar itu, Kementerian Pelajaran, di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010 telah menyeraiakan salah satu strateginya adalah dengan meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran (KPM, 2006). Melalui strategi ini, Kementerian Pelajaran menguatkuaskan pra sekolah sebagai satu pendidikan wajib yang harus diterima oleh setiap kanak-kanak sebelum memasuki pendidikan formal Tahun 1 di sekolah rendah. Selain itu, ia turut memberi penekanan ke atas pemuaafakan sekolah, keluarga dan komuniti. Jelasnya, kerajaan mula menyedari tentang kepentingan penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan anak-anak dan kerjasama





yang boleh terjalin di antara pihak sekolah dan ibu bapa. Strategi ini dijangka dapat menyediakan ruang kerjasama dan saling mempercayai di antara sekolah dan ibu bapa serta mengenalpasti keperluan-keperluan keluarga dan juga perbezaan budaya dan dapat mewujudkan persefahaman yang lebih baik yang amat diperlukan untuk pembelajaran kanak-kanak.

Untuk melahirkan generasi masa hadapan yang lebih berkualiti, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan 200 juta ringgit untuk pendidikan awal kanak-kanak di peringkat umur 1 – 6 tahun. Ini termasuk seperti program PERMATA negara, tadika KEMAS, Tadika Perpaduan dan kelas pra sekolah (Bajet 2009). Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak, di dalam ucapan penggulungan bajet 2009 pada 4 November 2008 telah menegaskan bahawa untuk membangunkan sumber manusia yang berkualiti, ia harus dimulakan daripada peringkat awal lagi. Beliau turut menegaskan program-program pendidikan awal kanak-kanak tidak akan berjaya tanpa mendapat sokongan ibu bapa. Jelas beliau lagi, semua kanak-kanak perlu diberi peluang yang sama rata untuk mencapai kejayaan dan untuk mengelak daripada keciciran.

Perkembangan kanak-kanak berlaku paling pesat pada peringkat umur empat hingga lima tahun. Ini adalah kerana pada peringkat ini, otak kanak-kanak berkembang secara optimum dan akan membentuk asas yang penting pada perkembangan mereka selanjutnya (Azizah, 2002). Kanak-kanak berkembang mengikut peringkat perkembangan yang berbeza dan pada masa yang sama pembelajaran mereka akan turut bertambah.





Akan tetapi, apa yang mereka pelajari bergantung kepada pengalaman mereka di dalam persekitaran. Oleh yang demikian, adalah penting untuk ibu bapa memahami bahawa (a) rumah adalah sekolah pertama kanak-kanak, (b) ibu bapa adalah guru pertama mereka dan (c) kanak-kanak belajar lebih banyak dengan melihat dan membuat daripada mendengar. Perkembangan kanak-kanak dari setiap segi sama ada emosi mahupun kognitif bermula sejak lahir dan ibu bapa yang merupakan orang yang paling hampir dalam hidup mereka berperanan besar untuk menentukan perkembangan tersebut berjalan dengan lancar.

Kanak-kanak mula belajar kemahiran kesediaan membaca sebaik sahaja mereka lahir apabila mereka mendengar perbualan atau pertuturan di sekeliling mereka. Untuk belajar membaca, kanak-kanak perlu terlebih dahulu mempunyai kemahiran lisan. Menurut Clay (1993), pemerolehan bahasa adalah sesuatu yang semulajadi tetapi proses belajar membaca tidak diperoleh secara semulajadi; ia harus dipelajari. Pendapat ini bercanggah dengan falsafah bahasa yang menyatakan bahawa kanak-kanak belajar membaca apabila mereka belajar bercakap. Membaca merupakan asas kepada sesuatu kejayaan. Justeru, kemahiran membaca merupakan satu kemahiran yang penting di peringkat sekolah rendah dan menengah dan menjadi petunjuk awal kepada kejayaan akademik seseorang kanak-kanak. Lantaran itu, adalah penting untuk ibu bapa dan guru-guru memastikan kanak-kanak pra sekolah telah mempunyai kemahiran kesediaan membaca sebelum mereka memasuki Tahun 1 sekolah rendah supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar (Yeo Kee Jiar dan rakan, 2002).





Berger (2000) menjelaskan adalah menjadi tanggungjawab sekolah untuk menggalakkan perkongsian yang boleh meningkatkan penglibatan ibu bapa dan penyertaan mereka dalam program-program anjuran sekolah demi meningkatkan pertumbuhan emosi dan akademik kanak-kanak. Berger menjelaskan bahawa otak kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran dan kehendak-kehendak asuhan seperti pemakanan yang sihat dan seimbang, penjagaan, dan rangsangan untuk memastikan dan meningkatkan peringkat pembelajaran yang berbeza dalam perkembangan kanak-kanak. Berger juga menerangkan tentang kepentingan ibubapa bekerjasama dengan guru di sekolah untuk meningkatkan perkembangan intelek anak-anak mereka.

Sokongan emosi serta galakan daripada ibu bapa juga boleh memberi kesan ke atas pembelajaran kanak-kanak. Emosi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kanak-kanak dan secara tidak langsung sokongan emosi yang ditunjukkan oleh ibu bapa merupakan faktor motivasi kepada kanak-kanak untuk mencapai sesuatu matlamat (Rohani Abdullah, 2001). Ibu bapa dipercayai menjadi faktor paling berpengaruh di dalam pendidikan dan pencapaian akademik kanak-kanak. Faktor motivasi dan sikap ibu bapa adalah penting dalam mempengaruhi pencapaian anak-anak mereka. Yamamoto (2006) mendapati bahawa sikap ibu bapa terhadap proses pembelajaran serta kepentingan persekolahan memberi kesan yang jelas ke atas sikap kanak-kanak di dalam kelas. Ibu bapa yang mengambil berat tentang perkembangan dan pencapaian akademik anak-anak secara konsisten menunjukkan pencapaian yang meningkat kepada anak-anak mereka.





Selain itu, faktor perapatan (attachment) di antara ibu bapa dan anak-anak turut berperanan besar ke atas perkembangan dan pembelajaran mereka. Perapatan ialah satu ikatan emosi kepada seseorang. Ahli psikologi John Bowlby (1969) menerangkan perapatan sebagai satu bentuk perhubungan psikologikal yang berkekalan di antara manusia. Bowlby percaya bahawa ikatan awal di antara penjaga dengan kanak-kanak mempunyai kesan yang amat mendalam dan berkekalan hingga ke akhir hayat. Berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Bowlby, bayi akan berasa selamat dan dilindungi apabila ibunya sentiasa responsif terhadap keperluannya. Pada peringkat kanak-kanak pra sekolah, ibu bapa boleh mewujudkan perapatan dengan anak-anak dengan cara berbual-bual dengan anak setiap hari mengenai apa jua perkara berkaitan dengan diri anak-anak, rakan-rakan mereka, pengalaman mereka di sekolah, peristiwa semasa, buku yang dibaca dan sebagainya.



Holloway dan rakan-rakan (2010) pula menjelaskan bahawa jangkaan atau harapan ibu bapa juga penting untuk pencapaian akademik dan pembentukan sikap kanak-kanak. Perkara utama adalah sama ada jangkaan atau harapan tersebut akan membantu atau menghalang kanak-kanak daripada melakukan yang terbaik atau bersaing dengan rakan-rakan sekelas di dalam akademik. Ibu bapa yang tidak mempunyai apa-apa jangkaan atau harapan, atau jangkaan mereka terhadap anak mereka adalah terlampau rendah boleh mempengaruhi pembelajaran kanak-kanak. Menurutnya lagi, ibu bapa yang mempunyai harapan yang tinggi ke atas masa depan anak-anak mereka akan lebih sanggup untuk menggiatkan usaha untuk memastikan harapan tersebut terlaksana.





Ibu bapa boleh meluangkan masa untuk bersama dengan anak-anak dan berbincang tentang perkembangan akademik dan juga membantu anak-anak dengan kerja-kerja sekolah. Bagi ibu bapa yang tidak mempunyai kemahiran atau pengetahuan untuk membantu anak-anak mereka dalam pelajaran, mereka boleh mendapatkan bantuan daripada orang lain. Menyediakan kemudahan-kemudahan asas atau keperluan untuk pembelajaran anak-anak merupakan satu bentuk sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik mereka seperti menyediakan bilik untuk belajar, membelikan buku-buku bacaan atau latihan atau menggalakkan anak-anak meminjam buku daripada perpustakaan.

Proses perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak dipengaruhi oleh banyak orang, proses dan institusi. Ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, pengaruh kejiranan, sekolah dan lain-lain institusi seperti institusi keagamaan, kesemuanya memberi kesan ke atas pembentukan perkembangan kanak-kanak (Brofenbrenner, 1979). Kanak-kanak yang mempunyai kebolehan yang serba unik itu sendiri, mempunyai tingkah laku yang tidak boleh dijangka dan memainkan peranan tersendiri dalam membentuk perlakuan, aspirasi dan pencapaian mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Peningkatan taraf hidup telah menyumbang kepada senario di mana tanggungjawab mencari nafkah terletak di bahu kedua-dua ibu dan bapa. Malaysia turut mengalami situasi yang serupa; sejak tiga abad yang lepas, Malaysia telah mengalami pembangunan





yang pesat dan berkembang selari dengan perkembangan dunia (Lim, 2006). Perkara ini membawa kepada perubahan dari segi demografi dan budaya di dalam masyarakat di Malaysia, di mana peranan bapa sebagai pencari nafkah dan ibu sebagai penjaga anak di rumah telah berubah kerana kedua-duanya berperanan untuk mencari nafkah bagi menampung keperluan keluarga. Oleh yang demikian, tugas menjaga anak-anak diserahkan kepada orang lain sama ada pengasuh, pusat jagaan atau pembantu rumah. Berdasarkan Laporan Soalselidik Tenaga Buruh (2004), 60% tenaga kerja adalah terdiri daripada wanita yang sudah berkahwin, 32.8% tidak pernah berkahwin, 4.7% balu dan 2.7% lagi adalah terdiri daripada ibu tunggal (Lim Soh Peng, 2006). Disebabkan lebih ramai wanita atau kaum ibu yang bekerja, maka lebih ramai kanak-kanak dijaga oleh pusat asuhan kanak-kanak (taska) atau pra sekolah. Senario sedemikian menyebabkan kanak-kanak menghabiskan lebih banyak masa di pusat-pusat tersebut berbanding dengan ibu bapa di rumah. Justeru, ibu bapa tidak dapat memainkan peranan di dalam proses perkembangan anak-anak mereka dan tanggungjawab tersebut dipindahkan kepada pengasuh atau pendidik. Keadaan ini menjadikan hubungan ibu bapa dengan anak-anak tidak rapat dan mereka juga gagal memahami emosi anak-anak apatah lagi memberikan sokongan emosi yang sepatutnya kerana ketiadaan hubungan perapatan tersebut. Situasi ini sudah tentu memberi kesan kepada pembelajaran kanak-kanak.

Selain itu, guru-guru di sekolah rendah mengalami kesukaran untuk mengenalpasti kanak-kanak yang berpotensi menghadapi masalah pembelajaran sebelum mengikuti pembelajaran formal kerana kanak-kanak tidak diukur tahap kesediaan membaca semasa di prasekolah. Justeru, adakah dengan mengenalpasti kesediaan





membaca kanak-kanak pada peringkat prasekolah dapat membantu guru-guru mengenalpasti murid-murid bermasalah pembelajaran di sekolah rendah?

Penglibatan ibu bapa di Malaysia didapati tidak begitu diberi penekanan. Keadaan ini berlainan sekali dengan apa yang berlaku di negara-negara maju seperti Amerika, England atau Australia, di mana penglibatan ibu bapa diletakkan sebagai aspek utama dalam sistem pendidikan mereka. Di Malaysia, kita dapati ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke pra sekolah kerajaan tidak begitu didedahkan tentang kepentingan penglibatan mereka sama ada oleh pihak sekolah atau pihak kerajaan. Namun begitu, perkara yang sama jarang berlaku kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke pra sekolah swasta atau berbayar. Hal ini disebabkan ibu bapa yang menghantar anak di pra sekolah kerajaan adalah terdiri daripada mereka yang tahap pendidikannya agak rendah dan mereka tidak mendapat pendedahan tentang kepentingan peranan mereka di rumah dalam proses perkembangan anak mereka (Lim Soh Peng, 2006). Selain itu, disebabkan oleh kesibukan bekerja, tugas atau tanggungjawab mengajar dan mendidik anak-anak diserahkan seratus-peratus kepada guru di sekolah tanpa memikirkan bahawa anak mereka turut memerlukan bimbingan mereka di rumah. Mereka merasakan mereka tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk membimbing anak di rumah.

Perkara ini mungkin menjadi salah satu faktor mengapa masih terdapat kanak-kanak yang memasuki Tahun 1 di sekolah rendah yang masih belum dapat menguasai kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Berdasarkan kajian,





Kementerian Pelajaran mendapati sebanyak 138,271 murid Tahun 1 di Semenanjung Malaysia dengan 35.52 peratus keseluruhannya tidak dapat menguasai kemahiran asas 3M (Hariri Khamis, 2007). Beliau menjelaskan bahawa pelaksanaan KBSR dalam sistem pendidikan negara merupakan satu usaha untuk memantapkan kemahiran asas 3M, namun setelah sekian lama pelaksanaannya, masih terdapat pelajar yang tidak menguasai kemahiran tersebut di sekolah rendah malahan hingga ke peringkat sekolah menengah. Untuk itu, kerajaan terpaksa merangka program-program pemulihan kepada pelajar-pelajar terbabit supaya masalah keciciran dapat dikurangkan atau diatasi. Pada masa ini, program pemulihan yang dijalankan di sekolah rendah ialah Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) yang bermatlamat untuk memastikan 100% murid Tahun Satu boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu sebelum melangkah ke Tahun Dua. Perkara ini diberi perhatian yang serius oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kerana murid yang belum menguasai kemahiran asas 3M merupakan kumpulan yang berisiko keciciran dan sukar memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran pada peringkat seterusnya (Liza Isyqi Ramli, 2007). Hal ini disebabkan kejayaan dalam bidang akademik berkaitan rapat dengan kebolehan kanak-kanak membaca, maka kanak-kanak haruslah telah boleh membaca di tahun-tahun awal persekolahannya. Justeru, kesediaan membaca kanak-kanak sejak pada peringkat pra sekolah dapat memberi maklumat awal kepada guru-guru Tahun Satu untuk memperkemaskan pengajaran dan pembelajaran mereka supaya matlamat 3M tercapai. Kesediaan membaca adalah bersifat individualistik; tidak ada penyelesaian “one size fits all” di dalam mengajar kanak-kanak membaca. Ibu bapa atau pendidik perlu mencuba beberapa teknik sebelum mendapat kaedah yang paling sesuai untuk setiap individu





kanak-kanak. Inilah yang dimaksudkan oleh Vygotsky melalui Zon Perkembangan Proksimalnya di mana seseorang kanak-kanak boleh melakukan sesuatu dengan lebih baik dengan bantuan ibu bapa atau orang yang lebih dewasa.

Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat sejauh mana penglibatan ibu bapa di rumah seperti memberi sokongan emosi, hubungan perapatannya dengan anak-anak dan jangkaan mereka terhadap anak-anak boleh mempengaruhi kesediaan membaca kanak-kanak pra sekolah.

1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi tujuan ini, pengkaji telah membentuk satu kerangka konseptual berlandaskan beberapa teori pembelajaran dan teori psikologi yang dirasakan sesuai. Kerangka yang dibentuk adalah berdasarkan Teori Persekutaran Brofenbrenner (1979), Teori Sosio-budaya Vygotsky (1978), Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977), Teori Jangkaan Vroom (1964), Teori Perapatan Bowlby (1969) dan Teori Kesediaan Membaca Clay(1966).

Teori Persekutaran Brofenbrenner (1979) memberi penekanan ke atas faktor persekitaran yang memberi kesan secara langsung ke atas perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Teori ini memainkan peranan yang lebih signifikan ke atas penglibatan ibu bapa berbanding dengan teori-teori yang lain. Teori Sosio-Budaya Vygotsky (1978) pula memfokuskan kepada Zon Perkembangan Proksimal di mana






kanak-kanak belajar dengan bantuan daripada orang yang lebih dewasa atau berpengalaman. Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) membincangkan bagaimana kanak-kanak belajar melalui proses peniruan dan pemerhatian terhadap perkara-perkara di sekeliling mereka. Ketiga-tiga teori di atas mempunyai kaitan dengan penglibatan ibu bapa. Teori Jangkaan Vroom (1964) membincangkan tentang faktor motivasi yang boleh membantu atau menghalang seseorang kanak-kanak untuk berjaya. Teori ini menjelaskan bahawa jangkaan ibu bapa yang tinggi mempunyai kesan signifikan ke atas kejayaan kanak-kanak. Teori Perapatan Bowlby (1969) pula menerangkan bagaimana hubungan perapatan di antara ibu bapa/penjaga dengan anak-anak memberi impak ke atas perkembangan kognitif, sosial dan emosi anak-anak. Teori Perapatan Bowlby turut digunakan untuk mengupas mengenai perkembangan emosi. Teori ini berpendapat kanak-kanak pada peringkat ini perlu diberikan sokongan emosi agar proses perkembangan dan pembelajaran dapat dicapai secara optimum. Menurut Bowlby, kanak-kanak yang mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa akan mempunyai emosi yang lebih stabil. Teori Kesediaan Membaca Clay (1966) percaya bahawa konsep cetakan adalah penting dalam kesediaan membaca dan ibu bapa dicadangkan mengambil peranan dengan mengajar kanak-kanak dengan kemahiran-kemahiran kesediaan membaca.

Berdasarkan teori-teori di atas, pengkaji telah merangka satu model ringkas yang dapat menggambarkan kerangka konseptual kajian ini. Pengkaji mendapati tiga faktor psikologi yang boleh memberi kesan ke atas kesediaan membaca kanak-kanak pra



sekolah iaitu sokongan emosi, perapatan dan jangkaan. Ketiga-tiga faktor tersebut telah digambarkan di dalam model di bawah.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan model dalam rajah di atas, penglibatan ibu bapa dari aspek sokongan emosi, perapatan dan jangkaan merupakan pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala kesediaan membaca kanak-kanak pra sekolah adalah pemboleh ubah bersandar. Proses hubungan di antara penglibatan ibu bapa dengan kesediaan membaca kanak-kanak bukan merupakan satu proses yang linear tetapi ia adalah satu proses yang dinamik. Ia



merupakan satu proses timbal-balik dimana ibu bapa akan sentiasa menerima respons atau maklum balas daripada anak-anak mereka. Penglibatan ibu bapa dari aspek sokongan emosi, perapatan dan jangkaan akan memberi kesan ke atas kesediaan membaca anak-anak mereka dan apabila kesediaan membaca anak-anak meningkat, ibu bapa akan terus memberikan sokongan dan melibatkan diri dalam proses perkembangan dan pembelajaran anak-anak dengan menyediakan persekitaran dan material yang lebih baik.

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami penglibatan ibu bapa dan pengaruhnya ke atas kesediaan membaca kanak-kanak pra sekolah. Secara khususnya kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah sokongan emosi, perapatan dan jangkaan mempengaruhi kesediaan membaca kanak-kanak.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba meneroka dan memahami pengaruh penglibatan ibu bapa di rumah terhadap pembelajaran kanak-kanak pra sekolah terutama terhadap kesediaan membaca kanak-kanak pra sekolah. Oleh itu persoalan utama yang akan diteroka adalah sejauh manakah penglibatan ibu bapa dari segi sokongan emosi, perapatan dan jangkaan mempengaruhi kesediaan membaca kanak-kanak pra sekolah?





1.7 Penjelasan Konsep

1.7.1 Penglibatan Ibu Bapa

Menurut Carlisle dan rakan (2005), terdapat dua jenis komponen yang berhubungkait dengan penglibatan ibu bapa iaitu membuat kerja sukarela di sekolah (volunteering) dan membantu kanak-kanak dengan kerja sekolah mereka. Rockwell dan rakan (1996) pula menjelaskan konsep penglibatan ibu bapa sebagai “satu amalan aktiviti-aktiviti yang memberi kuasa kepada ibu bapa dan keluarga untuk turut serta mengambil peranan dalam proses pendidikan sama ada di rumah atau di sekolah”. Beliau menekankan bahawa setiap program berkaitan perlu dilihat sebagai satu perkongsian tanggungjawab dan perlu melibatkan tiga pihak iaitu guru, ibu bapa dan kanak-kanak.



Menurut Ho dan Willms (1996), terdapat dua dimensi penglibatan ibu bapa iaitu penglibatan mereka di rumah dan penglibatan di sekolah. Terdapat dua jenis penglibatan di rumah iaitu yang berkaitan dengan perbincangan berkaitan dengan aktiviti sekolah dan memantau aktiviti luar anak-anak. Penglibatan ibu bapa di sekolah pula terbahagi kepada dua iaitu perhubungan ibu bapa dengan guru (komunikasi sekolah) dan memberi khidmat sukarela di dalam aktiviti sekolah serta menghadiri mesyuarat atau perjumpaan dengan pihak sekolah. Dalam konteks kajian ini, penglibatan ibu bapa bermaksud peranan yang mereka mainkan dirumah dari aspek psikologi seperti sokongan emosi, perapatan dan jangkaan yang boleh mempengaruhi kesediaan membaca anak-anak mereka.





1.7.2 Kesediaan membaca

Kesediaan membaca bermula dengan perkembangan bahasa dan perbendaharaan kata dan merupakan satu proses yang berterusan. Clay (1991) memberikan maksud kesediaan membaca sebagai satu transisi di mana kanak-kanak berubah daripada keadaan ‘bukan membaca’ kepada ‘mula membaca’. Menurut Yeo Kee Jiar dan rakan (2002), kesediaan membaca merujuk khusus kepada kebolehan membaca pada peringkat pra sekolah yang perlu dikuasai sebelum masuk ke sekolah formal. Dalam konteks kajian, kesediaan membaca adalah saat atau waktu yang boleh diajar membaca, iaitu keadaan di mana kanak-kanak bersedia untuk belajar membaca.



Pendidikan pra sekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun sebelum menjalani pendidikan formal di Tahun 1 sekolah rendah. Tujuan pendidikan pra sekolah adalah untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu dalam semua aspek perkembangan dan menguasai kemahiran asas sebagai persediaan pendidikan formal di sekolah rendah kelak (Kurikulum Pendidikan Pra Sekolah KPM 2009). Maka dalam konteks kajian ini, kanak-kanak pra sekolah adalah kanak-kanak yang berumur 5-6 tahun yang mengikuti pendidikan pra sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.





1.8 Kepentingan Kajian

Ibu bapa memang sentiasa terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka dengan menyediakan pendidikan tidak formal seperti menjadi contoh dalam tingkah laku, mengajar, pujian dan disiplin dan menjadi satu unit yang paling stabil dalam masyarakat yang membentuk asas sesuatu bangsa.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menjadi penentu terhadap penglibatan ibu bapa ke atas perkembangan kanak-kanak seperti faktor status sosio ekonomi(SES), latar belakang pendidikan ibu bapa dan juga etnik atau bangsa (Lim Soh Peng, 2006). Keberkesanan penglibatan ibu bapa berkait rapat dengan faktor demografi tersebut. Kurang atau tiada penglibatan ibu bapa boleh menyebabkan kanak-kanak tidak dapat menyesuaikan diri di sekolah dan seterusnya memberi kesan ke atas pembelajaran mereka.

McLanahan dan rakan, (2005) mendapati apa yang berlaku kepada kanak-kanak pada awal kehidupan mereka mempunyai impak yang besar ke atas pencapaian akademik mereka kelak, dan kanak-kanak yang mula bersekolah tanpa bersedia untuk belajar akan terus mempunyai kesukaran apabila mereka berada di sekolah rendah dan menengah. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk menentukan sejauhmanakah penglibatan ibu bapa mempengaruhi kesediaan belajar kanak-kanak dan seterusnya mengenalpasti cara-cara untuk menutup jurang yang wujud dalam hasil pendidikan kanak-kanak.





Di dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa yang hendak dikaji hanyalah penglibatan mereka di rumah. Penglibatan ibu bapa di rumah akan dikaji daripada tiga aspek psikologi seperti sokongan emosi, perapatan dan jangkaan ibu bapa terhadap anak mereka.

Adalah diharapkan hasil kajian akan dijadikan panduan oleh ibu bapa, guru-guru dan pentadbir sekolah supaya wujud kesedaran tentang kepentingan penglibatan ibu bapa terhadap kesediaan membaca kanak-kanak. Ibu bapa dapat mengenalpasti serta mengesan kebolehan pembacaan anak-anak mereka. Guru-guru pula dapat membantu kanak-kanak yang memerlukan sokongan dalam mempertingkatkan kesediaan membaca di samping dapat merancang program-program kesediaan membaca. Adalah juga diharapkan berdasarkan maklumat-maklumat yang dikumpul dalam kajian ini, pihak pentadbir sekolah dapat membuat perancangan program yang akan meningkatkan penglibatan ibu bapa. Pihak sekolah harus mempunyai dasar yang lebih terbuka terhadap penglibatan ibu bapa dan menjalankan pelbagai aktiviti yang menyokong penglibatan mereka seperti menyediakan latihan atau bengkel yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab ibu bapa. Hasil kajian ini diharap dapat digunakan oleh semua pihak bertanggungjawab seperti Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pelajaran dalam menentukan cara-cara berkesan untuk meningkatkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Pihak kerajaan diharap dapat memberi garis panduan bagi membantu pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti yang melibatkan ibu bapa dengan



lebih berkesan lagi dan menggunakan kajian-kajian yang berkaitan dengan penglibatan ibu bapa sebagai rujukan mereka.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang mengkaji secara mendalam dan terperinci tentang penglibatan ibu bapa ke atas kesediaan membaca kanak-kanak. Oleh itu, sesuai dengan kaedah kajian kes, parameter kajian akan tertumpu kepada 5 orang kanak-kanak di sebuah sekolah di daerah di Petaling Perdana, Selangor. Ibu bapa, guru dan murid-murid yang dipilih menjadi sampel kajian adalah daripada pra sekolah Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada 20 murid pra sekolah Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong (2). Setelah ujian konsep cetakan diberikan kepada 20 pelajar tersebut, lima orang pelajar yang mendapat markah tertinggi, sederhana dan terendah dipilih untuk proses pemerhatian, manakala ibu dan bapa mereka terbabit untuk proses temubual.

1.10 Rumusan

Ibu bapa dan pihak sekolah mempunyai tanggungjawab yang sama penting di dalam proses perkembangan kanak-kanak. Justeru, untuk memastikan kejayaan tersebut, kedua-dua pihak perlu mempunyai hubungan yang erat agar satu bentuk kerjasama dapat dijalankan. Guru-guru perlu mempunyai inisiatif untuk menarik ibu bapa ke sekolah dan melibatkan mereka sebagai rakan kongsi di dalam proses pendidikan. Mereka tidak harus



memandang rendah penyertaan ibu bapa dalam aktiviti atau program di sekolah dan melihat ibu bapa sebagai orang yang mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa pula haruslah mempunyai komitmen yang tinggi dari segi masa dan tenaga terhadap perkembangan anak-anak mereka sama ada di rumah atau di sekolah. Mereka perlu sedar bahawa penglibatan mereka di rumah dan sekolah adalah lebih bermanfaat dan berkesan daripada memberi keperluan semata-mata. Para pendidik dan keluarga perlu mempunyai kepercayaan dan rasa hormat terhadap satu sama lain agar kerjasama yang efektif dapat dijalankan untuk kepentingan kanak-kanak. Kerjasama yang bermakna memerlukan kedua-dua pihak untuk memahami dan menghormati perasaan dan kaedah masing-masing. Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan situasi masa kini mengenai penglibatan ibu bapa dan seterusnya sama ada ia boleh merangsang pendidik dan ibu bapa untuk menilai semula keberkesanan amalan-amalan dan kepercayaan mereka sekarang.

